

Malaysia bakal berdepan situasi bencana alam lebih kerap



ABD. Latiff Ahmad bercakap dalam sidang akhbar berhubung perkembangan terkini bencana banjir di Putrajaya. -UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR · 29 Disember 2021, 6:07 pm



PUTRAJAYA: Sekumpulan pakar bencana dan cuaca tempatan berpendapat Malaysia terus berdepan situasi bencana alam luar biasa yang lebih kerap pada masa akan datang.

Perkara itu dikongsi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad selepas mengadakan sesi libat urus bersama sekumpulan tujuh penyelidik berkenaan, hari ini.

Beliau berkata, penyelidik tempatan itu juga meramalkan bencana alam mungkin berlaku di kawasan yang langsung tidak dijangka.

"Kita tidak mungkin akan menikmati suasana yang aman daripada bencana alam pada masa depan. Jika dahulu, bencana alam mungkin berlaku sekali sekala, namun kini ia lebih kerap dan turut melanda kawasan yang tidak difikirkan boleh berlaku bencana," katanya dalam sidang akhbar perkembangan banjir, hari ini.

Katanya, tiada siapa boleh bayangkan daerah Jelevu, Negeri Sembilan yang paling kering itu pun boleh dilanda banjir luar biasa.

Abd. Latiff berkata, beliau menerima pelbagai cadangan, maklum balas dan penambahbaikan perlu daripada pakar dan penyelidik itu untuk dikemukakan kepada jemaah menteri kelak. – UTUSAN ONLINE